

**SEJARAH PENERBITAN EMPAT JURNAL AWAL DI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM, UNIVERSITI MALAYA
(History of Four Early Journals Publication in Academy of Islamic Studies,
University of Malaya)**

Oleh:

Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid*
Saudah binti Hassan**

Abstrak

Pada tahun 2015, Akademi Pengajian Islam telah menerbitkan lapan buah jurnal dalam pelbagai bidang pengajian. Penerbitan itu merangkumi penerbitan bercetak, atas talian (online) dan hybrid berbentuk bercetak dan atas talian (online). Bilangan lapan buah jurnal itu dimulai dengan penerbitan empat buah jurnal awal di APIUM. Penerbitan awal penerbitan jurnal bermula pada tahun 1981 dengan keluaran pertama jurnal ISLAMIKA, manakala pada tahun 1988, diterbitkan pula jurnal kedua diberi nama MEDIUM, setelah itu diikuti dengan penerbitan Jurnal Syariah dan Jurnal Usuluddin pada tahun 1993. Artikel ini akan membincangkan sejarah penerbitan empat buah jurnal awal tersebut sebagai satu langkah awal ke arah membincangkan kecemerlangan penerbitan jurnal yang berwibawa di APIUM.

Kata Kunci : *Jurnal Usuluddin, Jurnal Syariah, Dinamika, Islamika. Sejarah Penerbitan Jurnal*

Abstract

In 2015, Academy of Islamic Studies has published eight journals in various disciplines. The publication includes printed publications, on-line and a hybrid form of printed and on-line. The number of eight journals begins with an initial four early journals was published in APIUM. The first academic journal began in 1981 with the first release of Jurnal ISLAMIKA, while in 1988 the other academic journal was published with named MEDIUM, after that, followed the publication of the Journal of Sharia and Journal of Usuluddin in 1993. This article will discuss the history of publishing four early journals in APIUM, it's a beginning as an initial step towards discussing the authoritative journal publishing excellence in APIUM.

Keywords: *Journal of Usuluddin, Journal of Syariah, Dinamika, Medium, History of Journal Publication.*

Pendahuluan

Budaya penulisan ilmiah di Tanah Melayu dikesan bermula sejak abad ke-14 lagi melalui penulisan Tun Sri Lanang, Munshi Ibrahim, Hamzah Fansuri dalam karya penulisan ilmiah mereka.¹ Selain mereka, turut muncul golongan sufi, ulama dan sasterawan yang merencanakan penulisan ilmiah di Tanah Melayu melalui karya-karya yang dihasilkan, perkembangan itu berterusan di zaman kependudukan Jepun di Tanah Melayu dan telah melahirkan tokoh penulis baru seperti Burhanuddin Al-Helmi, Ahmad Boestamam, Pak Sako dan ramai lagi.²

* Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, PhD, Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, e-mail e-mail: faisal@um.edu.my

** Saudah binti Hassan, calon Sarjana Pengajian Islam di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

¹ Mohd Azhar Abd Hamid et al., *Pengenalan Kepada Penulisan Ilmiah* (Johor Bharu: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001), 16.

² *Ibid.*

Menurut Kamus Dewan, penulisan merupakan kata dasar kepada tulis yang bermaksud kegiatan yang disebabkan menulis atau mengarang.³ Manakala ilmiah yang berasal dari kata Arab iaitu bersifat secara ilmu pengetahuan, keilmuan atau akademik.⁴ Dalam erti kata lain penulisan ilmiah boleh disimpulkan dengan makna sebuah penulisan yang mempunyai ciri-ciri akademik yang dijadikan sebagai bahan bacaan oleh semua golongan.

Menurut Ibrahim Che Omar (2006) dalam artikel beliau yang bertajuk “Isu Kepengarangan Dalam Penerbitan Ilmiah” bahawa konsep penulisan ilmiah ialah suatu penulisan dimana ianya menguji tahap keserjanaan dan kekuatan seseorang ahli akademik yang pakar dalam bidang masing-masing.⁵ Tambah beliau lagi buku rujukan, monograf, jurnal dan buku teks boleh dikategorikan sebagai bahan karya ilmiah di sesebuah institut pengajian tinggi.⁶ Pandangan Totok (2005) mendefinisikan penulisan ilmiah sebagai suatu penulisan yang membincangkan tentang sesuatu masalah.⁷ Malah diskusi yang dijalankan berdasarkan kaedah penyelidikan, pengumpulan data dari hasil penelitian sama ada penelitian lapangan, ujian makmal atau kajian pustaka yang berasaskan kepada pemikiran ilmiah.

Dari apa yang dinyatakan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa konsep penulisan ilmiah adalah hasil karya penulisan yang dihasilkan bagi mengkaji sesuatu persoalan mahupun permasalahan yang wujud dengan menggunakan kedah-kaedah tertentu bagi menguji tahap keserjanaan seseorang ahli akademik dalam bidang masing-masing. Keserjanaan seseorang itu dapat diukur pada keupayaan menghasilkan karya tulis yang baik dalam bidang yang diceburi.

Hamed Mohd Adnan(2006) mendefinisikan hasil penulisan sebagai buku-buku penerbitan institut Pengajian Tinggi yang mana kandungannya terkandung sub penyelidikan, monograf, buku-buku pengumpulan data-data berdasarkan eksperimen dan pemerhatian yang mana para pelajar dan ahli akademik dan golongan professional merupakan pembaca utama dari keadaan tersebut.⁸ Pengertian yang dinyatakan di atas menjelaskan bahawa penulisan ilmiah dihasilkan oleh para sarjana yang pakar dalam bidang tertentu, penulisan itu akan diterbitkan dalam pelbagai medium penerbitan yang bersifat ilmiah seperti buku akademik, buku teks, kertas persidangan dan juga penerbitan jurnal.

Bagi Eko Susilo M. (1995), menyebut bahawa karya ilmiah adalah tulisan yang mempunyai sifat keintelektualan yang tinggi yang mana ianya berasaskan kepada pemerhatian, tinjauan, penelitian, serta disusun mengikut sistem penulisan yang mempunyai asas kebenaran.⁹ Namun begitu, bagi H.J Prayitno (2000) membahagikan bentuk-bentuk penulisan ilmiah kepada 5 bentuk merangkumi makalah, artikel ilmiah, laporan akhir, penerbitan naskhah serta laporan menelitian.¹⁰ Mohd Azhar, et.al. (2001) membahagikan jenis penulisan ilmiah kepada 4 jenis penulisan iaitu esei ilmiah, tesis, disertasi dan buku ilmiah.¹¹ Bagi Mohd Noor (1995) menyenaraikan hasil penulisan ilmiah boleh dikategorikan kepada buku teks universiti, buku rujukan, monograf dan jurnal.¹² Apa yang dapat dijelaskan bahawa penulisan ilmiah

³ Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 1729, entri “tulis”.

⁴ *Ibid.*, 576, entri “ilmiah”.

⁵ Ibrahim Che Omar, “Isu Kepengarangan Dalam Penerbitan Ilmiah” (kertas kerja, Persidangan Penerbitan Ilmiah, Johor Bharu, 14-16 November 2006), 4.

⁶ *Ibid.*

⁷ Totok Djuroto dan Bambang Suprijadi, *Menulis Artikel & Karya Ilmiah* (Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 2002), 12.

⁸ Hamed Mohd Adnan, “Pemasaran Buku Ilmiah di Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya” (kertas kerja, Seminar Penerbitan Ilmiah, Kuching, 26 Ogos 2002), 1.

⁹ Eko Susilo M., laman sesawang bloggueblog.wordpress.com, dicapai 23 November 2015, <https://bloggueblog.wordpress.com/2012/04/20/pengertian-ciri-ciri-dan-macam-macam-karya-ilmiah/>.

¹⁰ H.J. Prayitno, *Pembudayaan Penulisan Karya Ilmiah* (Indonesia: Muhammadiyah Universiti Press, 2000), 18-19.

¹¹ Mohd Azhar Abd Hamid et. al., (2001), *op. cit.*, 22-24.

¹² Mohd Noor Hj. Salleh, “Implikasi Pengkorporatan Terhadap Penerbit Universiti” dalam (kertas kerja, Konvensyen Penerbitan Kebangsaan 4-6 Disember 1995, Kuala Lumpur), 4.

boleh dikategorikan kepada beberapa jenis dan bentuk antaranya rencana, buku, prosiding, majalah, proposal buku, tesis, buku teks.

Penerbitan Jurnal di Universiti Malaya

Kemajuan dan perkembangan pendidikan yang berlaku di Universiti Malaya bukan sahaja berlaku dalam aspek pentadbiran dan pendidikannya sahaja malah pembangunan yang dikecapi telah membuka ruang atau peluang kepada para ahli akademik dan para pelajar menghasilkan karya ilmiah mereka dalam bidang kepakaran masing-masing melalui proses observasi dan penyelidikan. Perkembangan pendidikan di Universiti Malaya bukan sahaja berteraskan kepada kepentingan pengajaran dan pembelajaran bahkan menghasilkan idea melalui hasil karya penulisan akademik.

Perkembangan penulisan di Tanah Melayu telah membawa perubahan dan kemajuan melalui pengenalan teknologi percetakan yang muncul pada abad ke-19 lagi. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, penulisan di Tanah Melayu pada awalnya berbentuk majalah, surat khabar dan buku-buku. Namun begitu penubuhan Universiti Malaya di Tanah Melayu telah membuka satu peluang kepada netizen untuk menghasilkan satu karya yang bersifat ilmiah bersesuaian dengan tahap sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi negara.

Universiti Malaya mempunyai bahan atau hasil terbitan karya tulisan yang berunsurkan akademik seawal tahun 1952 iaitu jurnal sejarah *The Historical Annual* diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Universiti Malaya Singapura dengan diikuti *Journal of the Economics Society* terbitan Universiti Malaya pada tahun 1960.¹³ Seterusnya selepas tahun 1960-an penerbitan Universiti Malaya lebih bergiat aktif dengan menerbitkan beberapa buah lagi jurnal seperti *Journal of the Department of Engineering University of Malaya* (1962),¹⁴ *Malaysia Journal of Economic Studies* (1964),¹⁵ dan *Masalah Pendidikan* pada (1965).¹⁶

Penerbitan ilmiah sekitar tahun 1970-an menunjukkan bahawa penerbitan Universti Malaya masih giat dijalankan dengan terbitnya dua buah lagi terbitan jurnal iaitu *Jernal Sejarah* pada 1975¹⁷ dan *Jernal Pentadbir* (1978)¹⁸ selain *Jurnal Pengajian Asia Tenggara* (1979).¹⁹ Sekitar tahun 1980-an pula menunjukkan bahawa hasil perkembangan teknologi dengan kegiatan usahasama sumber tenaga manusia sekali telah membawa hasil kejayaan dalam bidang penerbitan Universiti Malaya sebagai salah satu institusi pengajian tinggi yang terkemuka pada ketika itu.

Berlaku pertambahan yang ketara dalam penerbitan karya akademik di Universiti Malaya antaranya penerbitan *ISLAMIKA* (1981),²⁰ *Sarjana* (1981),²¹ *Jurnal Bahasa Moden* (1983),²² *Jurnal Pengajian India* (1983),²³ *Jurnal Pendidikan Islam* (1984),²⁴ *Berita Kejuruteraan* (1987),²⁵ *Sejarah: Jurnal Jabatan*

¹³ *Ekonomi: Journal of the Economic Society*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1960).

¹⁴ *Journal of the Department of Engineering University of Malaya* (Kuala Lumpur: Jabatan Kejuruteraan Universiti Malaya, 1962).

¹⁵ *Malaysia Journal of Economic Studies* (Kuala Lumpur: Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, 1964).

¹⁶ *Masalah Pendidikan* (Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, 1965).

¹⁷ *Jernal Sejarah* (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1975).

¹⁸ *Jernal Pentadbir* (Kuala Lumpur: Kelab Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, 1978).

¹⁹ *Jurnal Pengajian Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara Universiti Malaya, 1979).

²⁰ *ISLAMIKA* (Kuala Lumpur: Akademi Islam Universiti Malaya, 1981).

²¹ *Sarjana* (Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, 1981).

²² *Jurnal Bahasa Moden* (Kuala Lumpur: Pusat Bahasa Universiti Malaya, 1983).

²³ *Jurnal Pengajian India* (Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian India Universiti Malaya, 1983).

²⁴ *Jurnal Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, 1984).

²⁵ *Berita Kejuruteraan* (Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya, 1987).

Sejarah Universiti Malaya (1988),²⁶ *MEDIUM: Majalah Elmiyah* (1988)²⁷ dan *Jurnal Pengajian Melayu* (1989).²⁸ Tahun 1990-an menunjukkan penerbitan karya akademik baru seperti *Majalah Pengajian Arab* (1990), *Jurnal Syariah* (1993),²⁹ *Jurnal Usuluddin* (1993)³⁰, *Tirai Panggung* (1993)³¹, *Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara Universiti Malaya* (1995), *Journal of University of Malaya Medical Centre* (1996), *Jurnal Pengajian Media Malaysia* (1998).³²

Pada tahun 2000-an masih terdapat jurnal-jurnal yang dihasilkan di Universiti Malaya antaranya *Journal of Problem-Based Learning* (2003), *Jurnal Al-Bayan* (2003)³³, *Jurnal Fiqh* (2004)³⁴, *Jurnal Al-Tamaddun* (2005)³⁵, *International Journal of Mechanical and Materials Engineering* (2006)³⁶, *Asian Journal of Business and Accounting* (2008)³⁷, *Jurnal Peradaban* (2008)³⁸ dan *Jurnal al-Muqaddimah* (2013).³⁹ Jika dilihat kepada produktiviti jurnal ilmiah yang diterbitkan oleh penerbit universiti menunjukkan bahawa Universiti Malaya telah menerbitkan tidak kurang dari 40 buah jurnal ilmiah sejak judul jurnal yang pertama diterbitkan. Begitu juga penerbitan jurnal ilmiah ini selaras dengan penubuhan fakulti atau jabatan-jabatan yang baru diwujudkan. Penerbitan Universiti Malaya bukan sahaja berbentuk kepada jurnal semata tetapi juga melalui penerbitan seperti buku teks universiti, karya terjemahan, syarahan, modul dan monograf. Namun begitu perincian genre iaitu jenis penerbitan dalam bab ini lebih memfokuskan kepada penerbitan jurnal ilmiah akademik.

Selepas muncul era globalisasi pada tahun 2000-an diikuti pertambahan institusi pengajian tinggi swasta, penerbit-penerbit universiti telah mempelbagaikan karya akademik bukan sahaja tertumpu kepada buku-buku ilmiah dan jurnal sahaja bahkan juga di fokuskan kepada aktiviti-aktiviti berbentuk akademik seperti penulisan artikel, tulisan majalah, penglibatan dalam seminar dan konferensi, penyelidikan, keterlibatan diri secara langsung atau tidak langsung dalam bidang media massa dan kemasyarakatan turut diambil kira. Namun begitu dasar penerbitan universiti yang ditetapkan sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada pertambahan dalam sektor penulisan akademik universiti.

Penerbitan Jurnal di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Seperti yang telah dibincangkan di atas, insituti pendidikan tinggi dan penulisan karya ilmiah sangat berkait rapat antara sama lain. Ini kerana apabila dilihat kepada penubuhan fakulti terawal di Universiti Malaya seiring dengan penghasilan karya ilmiah dalam bentuk artikel dalam jurnal. Keadaan yang sama berlaku kepada perkembangan karya ilmiah di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dilihat seiring dengan penghasilan penerbitan jurnal atau karya ilmiah melalui Penubuhan Akademi Islam,

²⁶ *Sejarah: Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya* (1988)

²⁷ *MEDIUM: Majalah Elmiyah* (Kuala Lumpur: Akademi Islam Universiti Malaya, 1988).

²⁸ *Jurnal Pengajian Melayu* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1989).

²⁹ *Jurnal Syariah* (Kuala Lumpur: Fakulti Syariah Universiti Malaya, 1993).

³⁰ *Jurnal Usuluddin* (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Universiti Malaya, 1993).

³¹ *Tirai Panggung* (Kuala Lumpur: Pusat Kebudayaan Universiti Malaya, 1993).

³² *Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara Universiti Malaya* (Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara Universiti Malaya, 1995).

³³ *Jurnal Al-Bayan* (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2003).

³⁴ *Jurnal Fiqh* (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004).

³⁵ *Jurnal Al-Tamaddun* (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2005).

³⁶ *International Journal of Mechanical and Materials Engineering* (Kuala Lumpur: Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Universiti Malaya, 2006).

³⁷ *Asian Journal of Business and Accounting* (Kuala Lumpur: Fakulti Perniagaan dan Perakaunan Universiti Malaya, 2008).

³⁸ *Jurnal Peradaban* (Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, 2008).

³⁹ *Jurnal Al-Mukaddimah* (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2013).

Universiti Malaya pada April 1981 selari dengan penerbitan, Jurnal *ISLAMIKA* juga lahir pada tahun 1981 untuk penerbitan bilangan yang pertama.

Pada hari ini, penerbit-penerbit universiti kian giat menjalankan penerbitan bahan-bahan ilmiah baik dari bentuk buku, majalah ilmiah, prosiding, artikel dan jurnal ilmiah. Jika penerbitan karya ilmiah berlaku seiring dengan penubuhan sesebuah fakulti atau jabatan, keadaan ini juga dilihat sama dengan dengan sejarah perkembangan karya ilmiah yang berlaku di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Perkembangan penulisan ilmiah bukan sahaja berlaku di peringkat penerbit universiti bahkan terbitan-terbitan ilmiah berlaku diperingkat yang lebih kecil seperti diperingkat jabatan dan fakulti seperti Jabatan Pengajian Islam, Akademi Islam Universiti Malaya, jabatan ini adalah sebuah jabatan proaktif dalam menghasilkan produktiviti karya ilmiah malah ianya menjadi pelopor utama kepada penerbitan ilmiah yang berlaku di Fakulti Syariah dan Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya untuk penerbitan-penerbitan selepasnya.

Mendahului penerbitan ilmiah awal di APIUM, dua buah jurnal secara relatifnya telah diterbitkan, pertamanya prior kepada bidang kajian Syariah melalui penerbitan jurnal *ISLAMIKA* dan penerbitan kedua diberi nama majalah *MEDIUM*.

Jurnal *ISLAMIKA* (1981-1991)

Jurnal *ISLAMIKA* merupakan jurnal terawal yang diterbitkan oleh Akademi Islam Universiti Malaya pada tahun 1981 serta menjadi jurnal ilmiah pertama yang diterbitkan di Jabatan Pengajian Islam Akademi Islam Universiti Malaya Penerbitan. Penerbitan *ISLAMIKA* berlangsung selama sebelas tahun dengan empat kali penerbitan jurnal bermula tahun 1981 bagi penerbitan *ISLAMIKA* yang pertama,⁴⁰ diikuti dengan penerbitan *ISLAMIKA II* pada tahun 1982, penerbitan *ISLAMIKA III* pada tahun 1985 dan seterusnya penerbitan *ISLAMIKA IV* pada tahun 1991.⁴¹ Selepas tahun 1991 penerbitan *ISLAMIKA* telah dihentikan atas sebab-sebab yang tertentu yang tidak dinyatakan. Antara bidang kajian yang dimuatkan dalam perbincangan jurnal *ISLAMIKA* merangkumi kepelbagaian aspek Pengajian Islam termasuklah syariah, siasah, fiqh, undang-undang, ekonomi, sejarah, teologi, ekonomi, sastera, Al-Quran dan Al-Hadith, dakwah, tauhid, akidah, falsafah dan lain-lain. Tema perbincangan di dalam jurnal ini dilihat bersesuaian dengan keadaan semasa malah ianya bersifat kontemporari.⁴²

Antara faktor yang sering menyebabkan kegagalan sesebuah penerbitan ialah harga, pemasaran dan kandungan serta kecenderungan pembaca.⁴³ Mungkin berbeza pula faktor kegagalan penerbitan jurnal ilmiah, di mana faktor pengurusan jurnal dan penyumbang artikel menjadi faktor utama kepada kegagalan kelangsungan penerbitan jurnal. Kekangan itu menyebabkan hasil karya tidak dapat diterbitkan tepat pada masa yang telah ditetapkan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh ketua editor Prof. Madya Dr Lutpi Ibrahim. Beliau menyatakan bahawa antara faktor kelewatan penerbitan *ISLAMIKA* tidak mengikut jangka waktu yang ditetapkan ialah faktor kesukaran untuk mendapatkan sumbangan karya ilmiah dari penulis atau ahli akademik berbanding dengan proses pentadbiran untuk menerbitkan *ISLAMIKA* itu sendiri.⁴⁴

Penerbitan *ISLAMIKA* dapatlah dianggap sebagai salah satu usaha awal Jabatan Pengajian Islam Akademi Islam Universiti Malaya dalam menghasilkan penerbitan ilmiah agar sebanding dengan penerbitan ilmiah

⁴⁰ *ISLAMIKA I* (1981) Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam, Akademi Islam Universiti Malaya, bil. 1, 1981.

⁴¹ *ISLAMIKA II* (1982) Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam, Akademi Islam Universiti Malaya, bil. 2, 1982.

⁴² *ISLAMIKA IV* (Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1991).

⁴³ Hamed Mohd Adnan. Majalah-majalah Humor Melayu dan Cabaran Pemasarannya. Jurnal Komunikasi. (Kuala Lumpur: Jabatan Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Vol. 13. 1997). 111.

⁴⁴ *ISLAMIKA III* (1985) Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya, bil. 3. 1985.

lain dari Universiti Malaya. Malah sasaran untuk menjadikan *ISLAMIKA* sebagai platform bagi sarjana tempatan dan luar negeri dilihat tercapai melalui penerbitan bahan ilmiah ini selain menjadikan konsep tauhid sebagai teras utama dalam setiap kajian bagi setiap penulis.⁴⁵

Jurnal *MEDIUM* (1988-1994)

Mengorak langkah kedua dalam penerbitan jurnal, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya telah menerbitkan *MEDIUM* pada tahun 1988 untuk penerbitannya yang pertama.⁴⁶ Penerbitan *MEDIUM* dapat bertahan selama tujuh tahun sahaja dengan tiga kali terbitan iaitu penerbitan *MEDIUM* yang pertama pada tahun 1988 diikuti dengan penerbitan *MEDIUM* yang kedua pada tahun 1992 dan terbitan *MEDIUM* terakhir pada tahun 1994. Tidak dapat dipastikan kenapa penerbitan *MEDIUM* dihentikan.⁴⁷

Dalam usaha kedua yang dirintis oleh Jabatan Pengajian Islam untuk menyediakan medium penerbitan ilmiah kepada para pensyarah dan ahli akademik setelah penerbitan *ISLAMIKA* mula tertangguh. Walaupun frekuensi penerbitan jurnal-jurnal ini kurang konsisten namun didapati kesungguhan para editor dalam menerbitkan jurnal-jurnal tersebut dapat dipuji.

Slogan Jurnal *MEDIUM* ialah "*Medium Majalah Ilmiah*" memperlihatkan bentuk dan konsep penerbitan jurnal itu di mana skop perbincangan yang terdapat di dalamnya menrangkumi perundangan Islam, sejarah Islam, isu kontemporari Islam, aliran tasawwuf, teologi Islam, tokoh Islam, jenayah dari kacamata Islam, muamalat, siasah syar'iyah, isu-isu wanita Islam, isu sosial Islam, sekularisme, serta isu pendidikan Islam. Rangkuman itu menjadikan jurnal ini sebuah majalah ilmiah yang lengkap merangkumi bidang teras pengajian Islam baik dari aspek Syariah, Usuluddin, Pendidikan Islam juga Perundangan Islam.⁴⁸ Namun begitu *MEDIUM* masih jelas dilihat sebagai sebuah jurnal prior syariah walaupun mengandungi pelbagai aspek perbincangan yang dibincangkan di dalamnya.⁴⁹

Penerbitan *ISLAMIKA* dan *MEDIUM* dapatlah dianggap sebagai pencetus kepada usaha-usaha penerbitan jurnal ilmiah selepasnya di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya melalui kemunculan *Jurnal Syariah* dan *Jurnal Usuluddin* pada tahun 1993 sebagai kesinambungan kepada semangat yang digarap oleh dua jurnal yang terdahulu.

Jurnal Syariah

Walaupun penerbitan kedua-dua jurnal ilmiah Akademi Islam iaitu *ISLAMIKA* dan *MEDIUM* telah dihentikan pengeluarannya masing-masing pada tahun 1991 dan 1994, Akademi Islam Universiti Malaya sekali lagi telah berusaha menghasilkan terbitan baharu melalui penerbitan *Jurnal Syariah* dan *Jurnal Usuluddin* pada tahun 1993 untuk penerbitan yang pertama.⁵⁰ *Jurnal Syariah* merupakan sebuah jurnal rasmi dan diterbitkan oleh Fakulti Syariah di Akademi Islam Universiti Malaya. Sehingga tahun 2016, *Jurnal Syariah* ini telah mencecah usia 24 tahun dan telah melahirkan 56 keluaran penerbitan dengan dengan dua bentuk tren penerbitan iaitu penerbitannya secara dwi tahunan dan penerbitan secara tiga kali setahun. Tren penerbitan yang ditunjukkan dalam tempoh 15 tahun adalah secara dwi tahunan iaitu penerbitan dari tahun 1993 hingga tahun 2007 manakala bermula keluaran *Jurnal Syariah* pada tahun 2008 sehingga yang terkini tren penerbitannya adalah secara tiga kali pengeluaran dalam satu tahun.

⁴⁵ *ISLAMIKA I*, (1981), op.cit.

⁴⁶ *MEDIUM I* (1988) Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam Akademi Islam Universiti Malaya, bil. 1, 1988.

⁴⁷ *MEDIUM II* (1992) Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam Akademi Islam Universiti Malaya, bil. 2, 1992.

⁴⁸ *MEDIUM III* (1994) Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam Akademi Islam Universiti Malaya, bil. 3, 1994.

⁴⁹ Raihanah Abdullah & Asmak Ab Rahman, *Fifteen years of Jurnal Syariah (1993-2007): a bibliometric study* (Kuala Lumpur: Malaysian Journal of Libray & Information Science, 2009), vol. 14, no. 3, Dec 2009: 59-76.

⁵⁰ *Jurnal Syariah* (1993), Kuala Lumpur: Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya, bil. 1, 1993.

Jurnal Syariah merupakan jurnal rasmi yang diterbitkan oleh Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya yang bersifat prioriti kepada bidang Pengajian Syariah. Tema atau isu yang sering dibincangkan merangkumi keseluruhan disiplin ilmu dalam bidang pengajian Syariah Islam terutamanya termasuklah aspek siasah, ilmu falak, fiqh, usul fiqh, ekonomi, undang-undang, sains politik, pentadbiran awam dan sains sosial. Secara amnya, kajian jurnal ini turut meliputi kajian Islam klasik dan juga perbincangan temporer mengenai isu semasa yang berlaku.⁵¹

Jurnal Syariah bukan sahaja sebagai bahan rujukan bahkan menjadi platform perbincangan para ahli akademik melalui medan komunikasi kepada penyelidik yang berminat dengan bidang undang-undang Islam klasik dan moden dan kesan undang-undang Islam terhadap masyarakat Islam keseluruhannya.⁵² Berdasarkan skop ini, jurnal ini telah diterima sebagai sebuah majalah undang-undang serta turut menyediakan sumber bahan penyelidikan bagi pengamal undang-undang dan penyelidikan.

Berdasarkan kepada kajian ringkas *ISLAMIKA*, *MEDIUM* dan *Jurnal Syariah* bahawa ketiga-ketiga jurnal ini menekankan kepada isu perbincangan mengenai Pengajian Islam dan Syariah. Pengajian Syariah dilihat agak popular dan menjadi tajuk utama mengenai isu hukum hakam yang memerlukan kepada kajian dan analisis hukum. Kajian ringkas ketiga-tiga jurnal ini juga telah mempengaruhi perkembangan dan kemajuan dalam bidang penerbitan ilmiah lebih-lebih lagi dengan kelahiran jurnal-jurnal diperingkat jabatan dan universiti. Dengan kemudahan percetakan yang wujud, pelbagai jenis bahan bacaan dan rujukan boleh dihasilkan selari dengan kebersamaan komitmen ahli akademik dalam menjawab persoalan kepada isu-isu yang timbul.

Dengan kelahiran *Jurnal Syariah* di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya telah menjadi perintis kepada kelahiran jurnal-jurnal ilmiah bidang Syariah yang lain antaranya seperti *Jurnal Fiqh* terbitan Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada tahun 2004 dan masih diterbitkan sehingga kini.

Walaupun jurnal prior Pengajian Islam lebih diutamakan, namun kelahiran jurnal prior bidang Usuluddin turut berlaku seiring dengan penerbitan *Jurnal Syariah* menjadi platform penting bagi pengkaji-pengkaji ilmu Usuluddin dalam mengembangkan hasil penulisan mereka khusus dalam kajian ilmu Usuluddin.

Jurnal Usuluddin

Sejarah penerbitan *Jurnal Usuluddin* bermula selepas tiada lagi berlaku penerbitan dalam jurnal *ISLAMIKA*. Namun begitu pada waktu yang sama dimana *Jurnal Usuluddin* keluaran yang pertama pada tahun 1993 mula diterbitkan, majalah *MEDIUM* masih sempat diterbitkan untuk penerbitannya yang ketiga dan yang terakhir pada tahun 1994. *Jurnal Usuluddin* merupakan jurnal rasmi yang diterbitkan oleh Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya bermula tahun 1993 dan penerbitannya masih berlangsung sehingga kini. Sehingga tahun 2016, usia penerbitan *Jurnal Usuluddin* telah mencecah 24 tahun dengan 43 buah keluaran. Pada penerbitan terkini *Jurnal Usuluddin* telah diterbitkan dalam dua bentuk iaitu bercetak dan atas talian. Kekerapan penerbitan masih kekal dua kali setahun. Tren penerbitan secara pertahunan bermula pada *Jurnal Usuluddin* bilangan yang pertama pada tahun 1993 dan penerbitan *Jurnal Usuluddin* bilangan 23-24 pada tahun 2006. Manakala bagi tahun-tahun lain, tren penerbitan yang ditunjukkan adalah secara dua kali setahun.

Seperti jurnal-jurnal ilmiah sebelumnya, *Jurnal Usuluddin* tidak kurang peranannya sebagai medium perbincangan para ilmuwan dalam disiplin pengajian usuluddin. Jurnal ini dilihat menjadi platform ahli

⁵¹ *Jurnal Syariah* (1995), Kuala Lumpur: Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya, bil. 3, 1993.

⁵² Raihanah Abdullah, Asmak Ab Rahman, *ibid.*4.

akademik untuk menyampaikan hasil kajian dan juga idea mereka dalam bentuk penulisan ilmiah. Sub tema perbincangannya yang sering dibincangkan termasuklah isu akidah, pemikiran Islam, teologi, dakwah, sejarah dan tamadun, pengajian Al-Quran dan Al-Hadith, ilmu tauhid dan lain-lain yang berkaitan dengan ilmu Usuluddin. Justeru itu, sifat *Jurnal Usuluddin* yang prior kepada bidang Usuluddin sangat sesuai dijadikan bahan ilmiah serta medan perbincangan ahli akademik dalam menyumbangkan hasil idea melalui arena penulisan ilmiah.

Perkembangan dalam penerbitan ilmiah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dilihat sesuatu yang memberangsangkan dengan kelahira jurnal-jurnal akademi prior Usuluddin yang mengandungi pelbagai tema kajian antaranya *Jurnal AFKAR* iaitu jurnal Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam pada tahun 2000 diikuti dengan penerbitan *Jurnal Al-Bayan*, jurnal Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith APIUM pada tahun 2003 juga *Jurnal Al-Tamaddun* iaitu jurnal Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam APIUM pada tahun 2005.

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa penerbitan akademik di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya telah mula sejak awal penubuhan akademi lagi pada tahun 1983 sesuai serta selari dengan sifat institusi pendidikan tinggi Islam yang dianggotai oleh ramai ahli akademik dan cendekiawan Islam. Penerbitan jurnal di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya telah lama berakar umbi dan perkembangannya pada masa kini adalah mengalakkan. Walaupun pelbagai nama dan bentuk jurnal diperkenalkan untuk memenuhi bentuk dan bidang penulisan ilmiah di kalangan ahli akademik, malah sejarah sesebuah jurnal itu ada yang relatif pendek atau panjang tempoh jangka hayatnya, namun itu semua tidak menunjukkan bahawa semangat penerbitan ilmiah di APIUM semakin pudar.

Dengan lakaran sejarah ringkas yang telah dibincangkan di atas, dapat memberi gambaran tentang kesungguhan ahli akademik di APIUM yang saling menyumbang ke arah kelestarian ilmu dan pengukuhan bidang kajian masing-masing. Pada tahun 2015, APIUM telah mengorak langkah yang begitu cemerlang di mana penerbitan jurnal ilmiah telah melebihi 8 buah jurnal secara bercetak atau atas talian dan antaranya telah diindeks dalam SCOPUS dan pelbagai indeks antarabangsa yang lain seperti ISI.

Rujukan

A.N Zainab, et.al., "Auditing scholarly journal published in Malaysia and assessing their visibility," *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 1 April 2012.

Asian Journal of Business and Accounting (Kuala Lumpur: Fakulti Perniagaan dan Perakaunan Universiti Malaya, 2008).

Berita Kejuruteraan (Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya, 1987).

H.J. Prayitno, *Pembudayaan Penulisan Karya Ilmiah* (Indonesia: Muhammadiyah Universiti Press, 2000).

Hamed Mohd Adnan, "Pemasaran Buku Ilmiah di Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya" (kertas kerja, Seminar Penerbitan Ilmiah, Kuching, 26 Ogos 2002).

Ibrahim Che Omar, "Isu Kepengarangan Dalam Penerbitan Ilmiah" (kertas kerja, Persidangan Penerbitan Ilmiah, Johor Bharu, 14-16 November 2006).

International Journal of Mechanical and Materials Engineering (Kuala Lumpur: Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Universiti Malaya, 2006).

ISLAMIKA (Kuala Lumpur: Akademi Islam Universiti Malaya, 1981).

ISLAMIKA I (1981) Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam, Akademi Islam Universiti Malaya, bil. 1, 1981.

ISLAMIKA II (1982) Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam, Akademi Islam Universiti Malaya, bil. 2, 1982.

ISLAMIKA III (1985) Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya, bil. 3. 1985.

ISLAMIKA IV (1991) Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, bil. 4. 1991.

Jurnal Pentadbir (Kuala Lumpur: Kelab Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, 1978).

Jurnal Sejarah (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1975).

Journal of the Department of Engineering University of Malaya (Kuala Lumpur: Jabatan Kejuruteraan University Malaya, 1962).

Jurnal Al-Bayan (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2003).

Jurnal Al-Mukaddimah (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2013).

Jurnal Al-Tamaddun (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2005).

Jurnal Bahasa Moden (Kuala Lumpur: Pusat Bahasa Universiti Malaya, 1983).

Jurnal Fiqh (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004).

Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara Universiti Malaya (Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara Universiti Malaya, 1995).

Jurnal Pendidikan Islam (Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, 1984).

Jurnal Pengajian Asia Tenggara (Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara Universiti Malaya, 1979).

Jurnal Pengajian India (Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian India Universiti Malaya, 1983).

Jurnal Pengajian Melayu (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1989).

Jurnal Peradaban (Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, 2008).

- Jurnal Syariah (1993), Kuala Lumpur: Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya, bil. 1, 1993.
- Jurnal Syariah (1995), Kuala Lumpur: Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya, bil. 2, 1995.
- Jurnal Syariah (1995), Kuala Lumpur: Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya, bil. 3, 1993.
- Jurnal Syariah (Kuala Lumpur: Fakulti Syariah Universiti Malaya, 1993).
- Jurnal Usuluddin (1993), Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, bil. 1, 1993.
- Jurnal Usuluddin (1993), Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, bil. 1, 1993.
- Jurnal Usuluddin (1996), Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, bil. 2, Jun 1996.
- Jurnal Usuluddin (1996), Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, bil. 3, Disember 1996.
- Jurnal Usuluddin (1997), Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, bil. 4, Jun 1997.
- Jurnal Usuluddin (2000), Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, bil 12, Disember 2000.
- Jurnal Usuluddin (2001), Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, bil. 13, Julai 2001.
- Jurnal Usuluddin (2001), Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, bil. 14, Disember 2001
- Jurnal Usuluddin (2002), Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, bil. 15, Julai 2002.
- Jurnal Usuluddin (2002), Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, bil. 16, Julai 2002.
- Jurnal Usuluddin (2003), Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, bil. 17, Julai 2003.
- Jurnal Usuluddin (2005), Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, bil. 22, Julai 2005.
- Jurnal Usuluddin (2006), Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, bil. 23&24, Disember 2006.
- Jurnal Usuluddin (2006), Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, bil. 23&24, Disember 2006.
- Jurnal Usuluddin (2008), Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, bil 37, Jun 2008
- Jurnal Usuluddin (2008), Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, bil 38, Disember 2008.
- Jurnal Usuluddin (2009), Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, bil. 30, Disember 2009.
- Jurnal Usuluddin (2010), Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, bil.32, Disember 2010.
- Jurnal Usuluddin (2011), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, bil.33, Jun 2011.
- Jurnal Usuluddin (2011), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, bil.34, Disember 2011.

- Jurnal Usuluddin (2015), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, bil 41, Jun 2015.
- Jurnal Usuluddin (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Universiti Malaya, 1993).
- Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 1729, entri “tulis”.
- Malaysia Journal of Economic Studies (Kuala Lumpur: Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, 1964).
- Masalah Pendidikan (Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, 1965).
- MEDIUM I (1988) Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam Akademi Islam Universiti Malaya, bil. 1, 1988.
- MEDIUM II (1992) Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam Akademi Islam Universiti Malaya, bil. 2, 1992.
- MEDIUM III (1994) Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam Akademi Islam Universiti Malaya, bil. 3, 1994.
- MEDIUM: Majalah Elmiyah (Kuala Lumpur: Akademi Islam Universiti Malaya, 1988).
- Mohd Azhar Abd Hamid et al., *Pengenalan Kepada Penulisan Ilmiah* (Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001).
- Mohd Noor Hj. Salleh, “Implikasi Pengkorporatan Terhadap Penerbit Universiti” dalam (kertas kerja Konvensyen Penerbitan Kebangsaan 4-6 Disember 1995, Kuala Lumpur), 4.
- Penerbit UKM, *Penulisan Rencana Ilmiah* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002), 9.
- Raihanah Abdullah & Asmak Ab Rahman, *Fifteen years of Jurnal Syariah (1993-2007): a bibliometric study* (Kuala Lumpur: Malaysian Journal of Libray & Information Science, 2009), vol. 14, no. 3, Dec 2009: 59-76.
- Roosfa Hashim (2011), *“Pembangunan Jurnal Ilmiah Malaysia 1847-2007”*, (Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 2011).
- Sarjana (Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, 1981).
- Sejarah (Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya (1988)
- Tirai Panggung (Kuala Lumpur: Pusat Kebudayaan Universiti Malaya, 1993).
- Totok Djuroto dan Bambang Suprijadi, *Menulis artikel & karya ilmiah* (Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 2002), 12.